

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH MELAKA TENGAH
NEGERI MELAKA**

Tindakan Kes Mal Bil: 04004 -057 -1245 TAHUN 2010

ANTARA

**XXXXXX
NO.KP :85XXXX- 04 - XXXX**

PLAINTIF

DENGAN

**XXXXXX
NO.KP : 82XXXX-01-XXXX**

DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

Plaintif dalam kes ini ialah **XXXXXX** telah membuat permohonan Tuntutan Takliq keatas suaminya (Defendan) **XXXXXX** **yang** tidak memberi nafkah yang wajib kepada Plaintiff melebihi 4 bulan berturut-turut semenjak Mac 2010 sehingga hari ini .

Justeru itu plaintif memohon kepada mahkamah yang mulia ini membubarkan perkahwinannya kerana defendan telah melanggar sighth takliq yang telah tercatat di Surat Perakuan Nikah No. siri KPN 3110090102001 - 1 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 2003.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

FAKTA KES

1. Kes ini ialah Tuntutan Takliq yang telah difailkan oleh Plaintiff **XXXXXX yang beralamat diNo 8-T Jalan Durian Daun Dalam 75400 Melaka** berdasarkan peruntukan S. 50 EUUKINM 2002 di Mahkamah yang Mulia ini ketas Defendan **XXXXXX** .. Plantif dan defendan adalah pasangan suami isteri yang sah .Mereka telah bernikah pada 31 Oktober 2009 di Masjid Jamek Pekan Pagoh , 84600 Muar Johor
2. Plaintiff dan defendan tidak dikurniakan cahayamata .
3. Plaintiff telah diwakili oleh peguam beliau yang bijaksana iaitu Puan Nurulsuhada dari Jabatan Guaman Melaka dan pihak defendan hadir dan beliau tidak diwakili oleh mana-mana peguam syarei
4. Defendan hadir ke mahkamah dalam tempoh sepanjang proses perbicaraan dijalankan .

Justeru itu Mahkamah membuat alasan penghakiman terlebih dahulu sebelum mahkamah memberi keputusan .

Bidangkuasa kuasa

Mahkamah bersetuju dengan hujah peguam Plaintiff bahawa Mahkamah mempunyai bidangkuasa mendengar kes ini seterusnya memutuskan kes ini berdasarkan.

Seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002 memperuntukan:-

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri MELAKA dan bagi

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

semua Orang Islam yang bermastautin dalam negeri MELAKA tetapi tinggal di luar Negeri Melaka.

Seksyen 45 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam MELAKA 2002

Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini membolehkan mahkamah membuat sesuatu perintah perceraian atau perintah mengenai perceraian atau membenarkan seseorang suami melafazkan talaq kecuali :-

- a)- jika perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini;*
- b)- jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut hukum syarak; dan*
- c)- jika pemastautinan salah satu pihak kepada perkahwinan pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam negeri Melaka .*

Mengenai pemastautinan, Plaintiff telah memenuhi syarat yang diberikan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam MELAKA 2002 . Mahkamah berpuashati Plaintiff telah tinggal di dalam Negeri Melaka .

Ianya jelas bahawa permohonan ini memenuhi kehendak Seksyen 45 (1) (C) EUUKINM 2002 yang hanya memerlukan pemastautinan satu pihak sahaja adalah di negeri Melaka . Seksyen 2 EUUKINM memperuntukkan “**bermastautin**” ertinya *tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu.*

Di dalam kes **XXXXXX lwn XXXXXX (1994) 9 bgh 1 J.H 16** Mahkamah Rayuan Syariah Selangor telah menyatakan bahawa perkataan mastautin seperti yang

terdapat dalam Seksyen 2 enakmen tersebut hanya mensyaratkan seseorang itu tinggal tetap dalam suatu kawasan atau pada lazimnya tinggal di sesuatu kawasan, tidak disyaratkan hendaklah menjadi rakyat negeri di dalam kawasan ia berada. Berdasarkan peruntukan **Seksyen 50 (2) (b) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam NEGERI MELAKA 2002** yang menyatakan bahawa

Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dalam bidangkuasa Mal, mendengar, dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi dibenarkan mendengar dan memutuskannya dalam mana jumlah atau nilai hal perkara yang dipertikaikan tidak melebihi seratus ribu ringgit atau yang tidak dapat di anggarkan dengan wang.

Mahkamah merujuk pula **Seksyen 49 (3) (b)** telah memperuntukkan:-

Mahkamah Rendah Syariah hendaklah

(b) dalam bidangkuasa Mal mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan :

*i- pertunangan, perkahwinan, **perceraian**, pembatalan perkahwinan (fasakh), atau perpisahan (faraq);*

ii-

iii-

Berdasarkan Seksyen 50 **Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam NEGERI MELAKA 2002**) menyebut:-

50 (1) Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut **syarat-syarat surat ta'liq yang dibuat selepas**

berkahwin, memohon kepada mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian demikian telah berlaku.

(2) Mahkamah hendaklah memeriksa permohonan itu dan membuat suatu penyasatan mengenai sahnyanya perceraian itu dan, jika berpuashati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut hukum syara', hendaklah mengesahkan dan merekodkan perceraian itu dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk di daftarkan.

Justeru itu mahkamah merujuk pandangan Imam al-Mawardi didalam kitabnya “ al-Ahkam al-Sultaniyah “ hlm 72 :

وإن كانت ولايته خاصة فهي منعقدة على خصوصها ومقصورة النظر على ما تضمنته

Jika bidang kuasa yang diberikan kepada Qadhi itu khusus maka ia terikat kepada bidang kuasanya sahaja.

Di dalam kitab “ (سلطة ولي الأمر في تقييد سلطة القاضي) “ karangan Dr Muhammad bin Abdullah bin Muhammad al-Marzuki hlm 146 ada menyebut :

Kata Imam Ibnu Farhun :

وينفرد القضاة في بعض البلاد بخطة المناكح فيولاها على حدة

Sesetengah Negeri, Para Hakim hanya diberi kuasa untuk mendengar dan membicarakan kes-kes yang berhubung kait dengan urusan Nikah kahwin sahaja.

Mengikut Imam as-Syirazi ada menyebut didalam kitabnya “ *al- Muhazzab fi Fiqh al-Imam as-Syafie*) jld 5 hlm 377 cetakan Dar-al-Qalam Damsyik dan As-Syeikh Sulaiman al-Jamal didalam kitab “ *Hasyiah Sulaiman al-Jamal* ” jld5 ,hlm 232, dan Dr Muhammad al-Marzuki didalam kitab “*Sultah Wali al-Amr Fi Taqiid Sultah al-Qadhi* ” hlm110 ada menyebut :

و لا يجوز أن يقضي و لا يولى ولا يسمع البينة ولا يكتب قاضيا في حكم في غير عمله ،
فإن فعل شيئا من ذلك في غير عمله لم يعتد به ، لأنه لا ولاية له في غير عمله

Tidak boleh bagi seorang Hakim memutuskan satu-satu hukuman atau melantik seseorang mengendalikan kes atau mendengar keterangan saksi , atau mengirimkan surat diwilayah hakim lain yang bukan dibawah bidang kuasanya, jika hakim melakukan salah satu daripada perkara tersebut maka hukumnya tidak sah. Ini adalah kerana dia tidak mempunyai bidangkuasa pada yang lain daripada wilayahnya.

Mahkamah berpuashati bahawa plaintif telah memenuhi syarat-syarat diatas.

Mahkamah juga suka memetik pandangan al-Syeikh al-Syed al-Bakri Ibnu al-Sayed Mohamad Shatha al-Dumyati (meninggal tahun 1300 Hijrah) didalam kitabnya “ *إعانة الطالبين* ” halaman 508-509 ,jld 4 cetakan al-Maktabah al-Taufiqiyyah Mesir ada menyebut akan syarat- syarat dakwa syareyyah iaitu :

1- أن تكون مفصلة بأن يفصل المدعي ما يدعيه

- 1) Dakwaan seseorang yang mendakwa itu hendaklah terang

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

2- أن تكون ملزمة للمدعي عليه

- 2) Yang kena dakwa terikat dengan dakwaan

3- أن يعين المدعى عليه

- 3) Hendaklah ditentukan orang kena dakwa

4- أن لا تناقضها دعوى أخرى

- 4) Dakwaan yang dibuat tidak bercanggah dengan dakwaan yang lain

5- أن يكون كل من المدعي والمدعى عليه مكلفا

- 5) Bahawa tiap-tiap orang yang mendakwa atau kena dakwa adalah mukallaf

6- أن يكون كل منهما ملتزما للأحكام

Bahawa tiap-tiap orang yang mendakwa dan orang yang kena dakwa terikat dengan hukum

ASAS MAHKAMAH DALAM PENSABITAN CERAI TAKLIQ

1- Adanya perkahwinan yang sah diantara Plaintiff dan defendan

Plaintif telah Berjaya membuktikan dihadapan hakim Bicara bahawa plaintiff dan defendan adalah pasangan suami yang sah ketika permohonan difailkan . Ini dibuktikan dengan sijil Nikah bilangan daftar 1213/2009 yang telah ditandakan di mahkamah sebagai Ekshibit P 1

2- Ada lafaz takliq yang telah dilafazkan oleh pihak defendan semasa akad nikah

Mahkamah berpuashati kerana plaintiff telah Berjaya membuktikan bahawa defendan ada melafazkan cerai takliq yang tercatat sighth di SURAT PERAKUAN NIKAH bertarikh 13/11/2009 No siri KPN : 31100901022001 1

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

3- Adanya pelanggaran kepada lafaz takliq oleh pihak Defendan

- a. Plaintiff telah Berjaya menyakinkan mahkamah bahawa defendan telah melanggar lafaz takliq iaitu defendan telah meninggalkan plaintiff lamanya 4 bulan qamariah berturut-turut dengan sengaja semenjak Mei 2009 sehingga hari ini . Defendan tidak ada meninggalkan harta untuk plaintiff . Defendan sudah 2 tahun tidak balik ke rumah plaintiff tinggal sekarang di Melaka sekalipun tahu tempat kediaman plaintiff , defendan juga tidak member nafkah batin kepada plaintiff selama 3 tahun . Plaintiff rasa tertekan dengan sikap defendan yang membiarkan diri plaintiff dironton perasaan bagaikan burung punggok rindukan bulan .
- b. Plaintiff juga telah Berjaya meyakinkan mahkamah dengan keterangan dua orang saksi yang konsisten dalam keterangan mereka bahawa defendan tidak memberi nafkah kepada plaintiff lebih 4 bulan qamariah kerana defendan berada di penjara Kajang semenjak Mei 2009 dan waris-waris defendan telah gagal memberi nafkah zahir yang wajib keatasnya lamanya 4bulan atau lebih .
- c. Plaintiff adalah seorang isteri yang taat dan tidak pernah disabitkan nusyuz oleh mana-mana mahkamah syariah

4- Adakah wujud pengaduan oleh pihak isteri (plaintiff)?

Plaintif telah memfailkan permohonan tuntutan takliq ini kemahkamah Rendah syariah Melaka Tengah pada 5 / April /2011

5-Adakah Plaintiff seorang yang taat kepada defendan ?

Plaintif adalah seorang isteri yang taat dan tidak pernah disabitkan nusyuz oleh mana-mana mahkamah syariah

PELANGGARAN TAKLIQ

Mahkamah merujuk kepada firman Allah berfirman dalam **Surah Al-Maidah ayat 1** yang berbunyi:-

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ أُحْلَتْ لَكُمْ بِهِمَّةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحْلِي الصَّيِّدِ
وَأَنْتُمْ حُرْمٌ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ (1)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.....

Di dalam kitab تنوير القلوب في معاملة علام الغيوب Karangan as-Syeikh Muhammad Amin al-Kurdiy hlm 328 ada menyatakan:

من صح منه الطلاق صح أن يعلقه على صفة أو شرط ، فإذا علق الطلاق على شرط وقع عند وجود الشرط

Orang yang sah talaq daripadanya maka sah segala takliqnya atas bentuk sifat atau syarat,

Apabila suami mentakliqkan talaq atas syarat , maka jatuh talaq ketika wujudnya syarat yang ditakliqkan itu

وأدوات الشرط هي : (إن ومن وإذا ومتى وما ومهما ، وإذما ، وأى ، وأياما ، وأيان ، وأين ، وأينما ، وحيثما ، وكيف ، وكيفما ، وكلما ، ولو)

Mahkamah merujuk didalam kitab

“ مشكاة المصابيح في شرح العدة والسلاح في أحكام النكاح ” karangan al-Syeikh Muhammad Ibnu Ahmad Ba Fadhal al-Khadramiy, hlm 262 , cetakan Dar Ibnu Hazam Beirut Lebanon , ada menyebut :

وإذا علق الطلاق على شرط ، صح التعليق ووقع الطلاق عند وجود ذلك الشرط إذا استمرت الزوجية إلى حالة الشرط

واستدل له بحديث " المؤمنون عند شروطهم " رواه أبو داود (3594) بإسناد حسن

Apabila suami mentakliqkan talaq keatas satu-satu syarat, maka sah takliqnya dan jatuh talaq jika jika melanggar syarat tersebut selamamana wujud ikatan perkahwinan yang sah

Sebagaimana sabda Nabi s.aw “ Orang Mukmin berdasarkan syarat yang dibuat”

Merujuk kepada kitab " الموسوعة الفقهية الميسرة " الطلاق " Karangan Dr Muhammad Ibrahim al-Hafnawiy , hlm 60 ada menyebut :

صيغة الطلاق

المراد بالصيغة : ترتيب الكلام على نحو معين صالح لترتب الآثار المقصودة منه وينقسم الطلاق بحسب صيغته ثلاثة أقسام :

الأول : صيغة منجزة

وهي التي ليست معلقة على شرط ولا مضافة إلى زمن مستقل بل قصد بها من أصدرها وقوع الطلاق في الحال . كأن يقول الزوج لزوجته : أنت طالق
حكم الطلاق المنجز
الطلاق المنجز يقع في الحال متى كان الزوج أهلا لإيقاعه ، والمرأة محلا لوقوعه

الثاني : صيغة معلقة

والمراد بالمعلق : هو ما جعل الزوج فيه حصول الطلاق معلقا على شرط كقول الزوج لزوجته : إن سافرت بغير إذني فأنت طالق

شروط صحة التعليق

يشترط في صحة التعليق ووقوع الطلاق به ثلاثة شروط :

الاول : أن يكون على أمر معدوم ويمكن أن يوجد مثل : إن خرجت من البيت بغير إذني فأنت طالق ، فإن كان التعليق على أمر موجود فعلا حين صدور الصيغة مثل أن يقول لها إن طلع النهار فأنت

طالق ، والواقع أن النهار قد طلع فعلا كان ذلك تنجيذا ، وإن جاء في صورة التعليق وعليه فيقع الطلاق في الحال .

الثاني : أن تكون الزوجة حين صدور الصيغة محلا للطلاق ، وذلك بأن تكون في عصمة الزوج

الثالث : أن تكون الزوجة حين حصول المعلق عليه محلا للطلاق .

الثالث : صيغة مضافة إلى زمن

الطلاق المضاف إلى زمن : هو ما أضيف حصوله على وقت في المستقبل كأن يقول الرجل لزوجته : أنت طالق غدا أو أول السنة الهجرية مثلا .

ويشترط لانعقاده أن يكون الزوج عند إنشائه أهلا لإيقاعه ، وأن تكون المرأة محلا لوقوعه

Didalam kitab “ الشرقاوي على التحرير ” karangan as-Syeikh as-Syarqawiy ,hlm 302 , Jld 2 , cetakan Matba’ah Ihya’ al-kutub al-‘Arabiyyah Mesir ada menyebut ;

فلا يقع طلاق إلا إذا كان كل من التعليق والصفة واقعا حال النكاح

Tidak jatuh talaq melainkan apabila ta’liq dan sifat yang ditakliqkan itu berlaku ketika didalam perkahwin.

Didalam kitab “ الشرقاوي على التحرير ” karangan as-Syeikh as-Syarqawiy ,hlm 302 , Jld 2 , cetakan Matba’ah Ihya’ al-kutub al-‘Arabiyyah Mesir ada menyebut ;

ومن علق طلاقا بصفة وقع بوجودها عملا بمقتضى اللفظ

Barangsiapa berlafaz takliq akan talaq dengan satu-satu sifat dan didapati sifat-sifat itu maks jatuhlah ia mengikut kehendak lafaz itu .

Didalam kitab “ الشرح القوي على التحرير ” karangan as-Syeikh as-Syarqawiy ,hlm 302 , Jld 2 , cetakan Matba’ah Ihya’ al-kutub al-‘Arabiyyah Mesir ada menyebut ;

فلا يقع طلاق إلا إذا كان كل من التعليق والصفة واقعا حال النكاح

Tidak jatuh talak kecuali apabila takliq dan sifat dalam takliq itu berlaku ketika masih di dalam ikatan perkahwinan .

Didalam kitab “ أنوار المسالك شرح عمدة السالك وعمدة الناسك ” karangan al-imam Syihabuddin Abi Abbas Ahmad Ibnu Uqaib al-Misriy as-Syafeiy ada menyebut dihalaman 314 :

ويجوز تعليق الطلاق على شروط ، وإن علقه على شرط ووجد ذلك الشرط طلقت

Harus takliq talaq atas syarat-syarat , jika suami mentakliqkan talaq atas syarat dan didapati syarat tersebut maka jatuh talaq keatas isterinya.

Merujuk kepada **Kitab Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh Juzu’ 7 muka surat 447 cetakan Dar al-Fikr , Damsyik Syiria , cetakan 1989M** karangan Dr. Wahbah Zuhaili ada menyebut:

فقال أئمة المذهب الأربعة :

يقع الطلاق المعلق متى وجد المعلق عليه ، سواء أكان فعلا لأحد الزوجين ، أم

كان أمرا سماويا ، وسواء أكان التعليق قسما وهو ما قصد به الحث على فعل شيء أو تركه أو تأكيد الخبر ، أم شرطيا يقصد به حصول الجراء عند حصول الشرط .

Maksudnya: *Para ulama’ imam mazhab yang empat sependapat bahawa jatuh talaq yang bergantung (berta’liq) jika wujud perkara yang menjadi tempat pergantungannya. Samada perkara itu merupakan perbuatan salah seorang daripada suami atau isteri, ataupun suatu perkara yang luar dari perbuatan manusia (samawi), dan samada ta’liq itu sebagai sumpah iaitu menggalakkan agar melakukan sesuatu atau meninggalkannya atau untuk menguatkan khabar, ataupun sebagai syarat yang dimaksudkan berlaku jawab syarat.*

Dalam *Kitab l’anat At-Talibin* , hlm 27 ,jld 4 , cetakan Dar al-Fikr 1993M/1414H, ada juga disebut :

يجوز تعليق الطلاق كالعنق بالشروط ، ولا يجوز الرجوع فيه قبل وجود الصفة ، ولا يقع قبل وجود الشرط .

Adalah dibolehkan menceraikan dengan ta'liq seperti juga janji merdekakan hamba atas syarat- syarat dan tidak dibenarkan menarik balik sebelum kejadian perkara itu dan tidak perceraian sebelum wujudnya syarat yang ditakliqkan itu.

Berdasarkan hujjah-hujjah syarak dan undang-undang bertulis diatas , maka dengan ini saya sabitkan bahawa aduan plaintif berhubung dengan tuntutan talaq takliq suaminya .

Dengan ini Mahkamah memberi keputusan :

- 1- Saya sabitkan bahawa Defendan XXXXXX No. KP : 61XXXX-04- XXXX telah melanggar lafaz takliq yang telah dilafaznya pada 3 / Jun / 1999 di daerah Alor Gajah Melaka
- 2- Saya sabitkan dan sahkan jatuh talaq satu Kali pertama keatas Plaintif XXXXXX No. KP : 67XXXX- 04- XXXX berjumlah satu talaq bermula pada hari ini / /
- 3- Saya perintahkan plaintif hendaklah beriddah sebagai Iddah talaq rajeei
- 4- Saya perintahkan perceraian ini didaftarkan di pejabat Agama Islam Negeri Melaka mengikut sek 50 EUUKINM 2002.

HAKIM

.....

TUAN HAJI SHUKERI NAJIB BIN AB.RAHIM

Tarikh 16 / November / 2011

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**